

FPP UMS cangkil kreativiti pelajar

► Program Komuniti Pendidikan Sains dan Teknologi

Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencangkil kreativiti dan daya inovasi pelajar sekolah melalui konsep STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) pada Program Komuniti Pendidikan Sains dan Teknologi yang diadakan baru-baru ini.

Program yang diadakan selama sehari di SMK Agama Tun Said, Kota Belud itu disertai 50 pelajar Tingkatan 4 dan dikelolah

oleh 14 pelajar Program Sarjana Pendidikan Sains Semester II serta 11 pelajar Program Sarjana Muda Pendidikan Matematik dan Fizik Semester 6, Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS.

Menurut Pensyarah FPP yang juga penyelia program Dr. Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah, antara objektif program adalah meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah, kreativiti dan daya inovasi pelajar-pelajar luar bandar melalui aktiviti reka cipta

“Antara objektif program adalah meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah, kreativiti dan daya inovasi pelajar-pelajar luar bandar melalui aktiviti reka cipta berasaskan konsep STEM.”

DR. SIEW NYET MOI @ SOPIAH ABDULLAH
Pensyarah FPP yang juga penyelia program

berasaskan konsep STEM. “Dalam aktiviti STEM yang pertama, pelajar-pelajar berbincang dan seterusnya mencipta model peralatan yang boleh membantu golongan orang kelainan upaya (OKU) menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian mereka terutamanya semasa berada di sekolah.

“Dalam aktiviti yang kedua pula, setiap kumpulan dikehendaki untuk membincangkan dan mencipta model alat yang boleh menyelesaikan

masalah yang mungkin dihadapi oleh atlet sukan dari aspek keselamatan dan kemahiran,” katanya.

Jelasnya, sepanjang program dijalankan, para pelajar kelihatan bersungguh-sungguh untuk membina model ciptaan masing-masing

“Melalui pemerhatian yang dijalankan oleh para fasilitator, para pelajar mampu menyenaraikan seberapa banyak cadangan penyelesaian terhadap masalah yang diwujudkan oleh situasi dalam aktiviti.



PELAJAR membentangkan model ‘Padang Hoki Hologram’, dan ‘Helmet Supersonic’ di hadapan penilai.

“Pelajar juga didapati mampu melakar draf rekaan secara terperinci dengan menggambaran pilihan bahan, teknik pemasangan serta menjelaskan fungsi

bagian-bagian rekaan mereka,” katanya lagi. Tambahnya, berdasarkan maklum balas para pelajar menyatakan bahawa pemerhatian, pengalaman

dalam kehidupan seharian serta perbincangan dengan rakan banyak menyumbang terhadap penjanaan idea sehingga mampu menghasilkan pelbagai rekaan untuk menyelesaikan masalah yang ditentukan.

“Melalui penglibatan diri dalam aktiviti seumpama ini, mereka lebih memahami konsep sains dan mengaplikasikannya dalam rekaan sekaligus meningkatkan daya kreativiti serta mengibadikan lagi daya imaginasi mereka,” jelasnya.

Pada majlis itu juga tujuh kumpulan menerima hadiah saguhati manakala tiga kumpulan dinobatkan sebagai johan, naib johan, dan tempat ketiga bagi setiap aktiviti.



HASIL rekaan pelajar yang dinobatkan johan bagi aktiviti STEM 1, ‘Kerusi Pelbagai Fungsi’ bagi membantu orang kerdil.



PELAJAR-pelajar SMK Agama Tun Said, Kota Belud bersama fasilitator dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS bergambar kenangan.